Soalan No : 31

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]**
TARIKH	:	**12.03.2014**
SOALAN	:	

Y.B. Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik pelajar luar negara di IPTA mengikut pecahan negara asal, gender, bidang pengajian serta berapakah jumlah kos subsidi IPTA kepada golongan ini setahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga Mac 2013, enrolmen pelajar antarabangsa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah seramai 26,290 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 17,728 orang pelajar adalah lelaki dan 8,562 orang pelajar perempuan mengikuti bidang pengajian seperti berikut:

1. Sains Sosial, Perniagaan dan Perundangan seramai 7,566 orang;
2. Kejuruteraan, Pembuatan dan Pembinaan seramai 6,984 orang;
3. Sains, Matematik dan Komputer seramai 5,176 orang;
4. Sastera dan Kemanusiaan seramai 3,260 orang;
5. Pendidikan seramai 1,410 orang;
6. Kesihatan dan Kebajikan seramai 1,043 orang;
7. Pertanian dan Veterinar seramai 384 orang;
8. Perkhidmatan seramai 271 orang;

9. Program Asas seramai 188 orang; dan
10. Lain-lain seramai 8 orang.

Bilangan pelajar dari negara Iran adalah merupakan bilangan tertinggi di IPTA, iaitu seramai 5,598 orang, diikuti oleh Indonesia seramai 3,533 orang, China seramai 1,840 orang, Iraq seramai 1,660 orang dan Yemen seramai 1,517 orang.

Pelajar antarabangsa telah dikenakan yuran pengajian secara sepenuhnya di IPTA dan Kerajaan tidak memberikan subsidi kepada mereka untuk melanjutkan pengajian di negara ini.